



ALIAKBAR

# Sabah mesti sedia berhadapan pemindahan ibu kota Indonesia

UB 20.02.20-1

## KOTA KINABALU:

Malaysia khususnya Sabah mesti bersedia menghadapi pemindahan ibu kota Indonesia daripada pelbagai sudut.

Antara perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah memperbaiki jaringan jalan raya dan juga infrastruktur ekonomi dan perniagaan.

Di samping itu, kerajaan juga mesti bersedia untuk berhadapan dengan sebarang kemungkinan dari segi sosial khususnya mobiliti sosial dan ekonomi yang akan menjadi semakin kompleks.

## ► Dari Muka 1

Perkara ini disebutkan oleh Ketua Penyelidik Kajian Geopolitik dan Implikasi Terhadap Pemindahan Ibu Kota Indonesia ke Kalimantan ke atas negeri Sabah Dr. Aliakbar Gulasan dalam Bengkel Kajian Geopolitik Sempadan yang diadakan selama dua hari di Kota Kinabalu.

Pembentangan dalam bengkel ini disertai oleh tenaga-tenaga pakar dan ahli akademik dari Malaysia dan Indonesia.

Kumpulan penyelidik yang terlibat dalam penyelidikan ini melibatkan seramai 20 pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang akan menjalankan penyelidikan selama tiga tahun.

